



M40 tergelincir: Jejas kualiti dan kelangsungan hidup - Pakar ekonomi

KUALA LUMPUR: Penurunan tahap pendapatan golongan berpendapatan pertengahan (M40) yang tergelincir ke dalam kategori golongan berpendapatan rendah (B40) dibimbangi akan menjejaskan kualiti kehidupan dan kelangsungan hidup kumpulan tersebut.

Pengarah Eksekutif Majlis Tindakan Ekonomi (AEC), Prof Tan Sri Noor Azlan Ghazali berkata, selain itu keupayaan golongan M40 untuk memenuhi komitmen-komitmen tetap termasuk menyediakan keperluan asas dikhuatiri turut terjejas.

"Jadi, itu (kualiti hidup) bagi saya yang paling utama walaupun kita tahu ada kesan ke atas ekonomi secara keseluruhan kerana mereka akan berbelanja secara kurang tetapi bagi saya kesejahteraan dan kelangsungan hidup mereka itu paling utama.

"Kesan ke atas pendapatan ini ia merentasi semua kumpulan. Kumpulan yang dikaitkan T20 juga ada yang jatuh kepada M40, sama juga dalam konteks B40.

"Kalau ikut Jabatan Perangkaan, mereka akan pecahkan kategori B1, B2 dan B3, di mana B1 adalah paling rendah. Jadi bererti pada semua peringkat ada berlaku kejatuhan," katanya kepada Astro AWANI pada Jumaat.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai laporan bahawa lebih 600,000 isi rumah daripada golongan M40 telah tergelincir ke dalam kategori golongan berpendapatan rendah B40 susulan pandemik COVID-19.

AEC, seperti yang dilaporkan oleh Jabatan Perangkaan pada 2019 memaklumkan, sekurang-kurangnya lapan peratus isi rumah memperlihatkan penurunan pendapatan di ambang pendapatan maksimum B40 iaitu RM4,850 sebulan.

M40 ditakrifkan sebagai kumpulan berpendapatan seisi rumah dengan purata bulanan antara RM4,851 hingga RM10,970.

Noor Azlan menambah, perbelanjaan isi rumah semua peringkat kumpulan juga secara langsung dijangka berubah terutamanya mereka yang berpendapatan tinggi.

"Mereka akan kurangkan dari segi perbelanjaan mengikut kehendak tetapi yang kita risau ialah kumpulan bawah ini, adakah ia mencukupi untuk perbelanjaan yang dianggap keperluan?" soalnya.

Sementara itu, mengenai Pelan Pemulihan Negara (PPN) pula, Noor Azlan berkata pelan yang diumumkan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin baru-baru ini disifatkan mampu membantu semua pihak dalam membuat perancangan yang lebih tersusun dalam mengurangkan kesan akibat pandemik COVID-19.

Katanya, pelan itu mampu mengembalikan atau memulihkan semula ekonomi negara, sekali gus mengurangkan beban kepada golongan bawahan.

Bagaimanapun, kejayaan pelan itu bergantung kepada kerjasama rakyat dalam mematuhi peraturan prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan, tambah beliau.

"Jadi, pelan pemulihan itu memberi kita satu transisi dan apa yang kita harapkan ialah bukan sahaja kerajaan tetapi rakyat secara keseluruhan juga perlu tampil bukan sahaja untuk vaksin tetapi memastikan kita patuh SOP.

"Lebih cepat kita dapat menurunkan kes, lebih pantas kerajaan dapat mempertingkatkan vaksin dan pastinya akan mengurangkan tekanan ke atas sistem kesihatan," ujarnya lagi.